



**MINIT MESYUARAT KALI KE-75 MAJLIS BERSAMA JABATAN  
SELASA, 13 OGOS 2024, JAM 2.30 PETANG  
WEBEX LIVE**

---

**Kehadiran : Pengerusi**

YBhg. Profesor Dato' Seri Ir. Dr. Abdul Rahman Bin Mohamed,  
FASc  
Naib Canselor

**Ahli Wakil Majikan**

YBhg. Profesor Dato' Gs. Dr. Narimah Binti Samat  
Timbalan Naib Canselor  
Akademik & Antarabangsa

YBr. Profesor Dr. Shaiful Bahari Ismail  
Pengarah Kampus, Kampus Kesihatan

YBhg. Profesor Datin Dr. Azlina Binti Harun @ Kamaruddin  
Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan

YBhg. Dato' Profesor Dr. Nik Hisamuddin Nik Ab. Rahman  
Pengarah Hospital  
Hospital Universiti Sains Malaysia

YBr. Encik Mohd Azizudin bin Mohd Shariff  
Pendaftar

YBr. Dr. Khairul Anuar bin Che Azmi  
Penasihat Undang-Undang

YBr. Encik Rafizal Bin Abd Rahim  
Bendahari

Puan Sarina Binti Razak  
Timbalan Pendaftar  
Bahagian Sumber Manusia

**Ahli Wakil Pekerja**

**Wakil Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM**

**Wakil Kesatuan Kakitangan Am USM**

Encik Mohd Zulkifly Bin Ibrahim (Presiden)  
Puan Noor Zaini Binti Khairul Khan  
Encik Mohamad Khusaini Bin Jamaluddin  
Encik Nik Fakurudin Bin Nik Ali  
Encik Syaarani Amri Bin Muhammad  
Encik Mohd Shukur Bin Abidin

Puan Juliana Binti Ahmad Razali  
Encik Ahmad Bin Mohammad Foaed

**Setiausaha Bersama**

Encik Mohd Jalaludin Bin Azizan  
Ketua Penolong Pendaftar  
Bahagian Sumber Manusia

**Tidak Hadir :**

Dr. Zuraidah Binti Abu Bakar  
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Profesor Madya Dr. Rohana Binti Abd. Jalil  
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Puan Aida Shuhaida Binti Mustafa  
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Dr. Noor Fareen Binti Abdul Rahim  
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Cik Nadia Roselilyana Binti Noordin  
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Ts. Dr. Mohamed Azlan Bin Ashaari  
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Encik Md Lukmi Bin Ismail  
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Encik Suardi Bin Kaharuddin  
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

---

**MINIT 1      Ucapan Aluan Pengerusi**

YBhg. Dato' Seri Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah al-Fatihah serta aluan kehadiran serta ucapan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir secara dalam talian.

Seterusnya Pengerusi telah memaklumkan kepada Majlis mengenai perkara-perkara berikut untuk makluman dan perhatian :-

- Mesyuarat MBJ Kali Ke-75 ini merupakan mesyuarat MBJ kedua bagi tahun 2024.
- Menzahirkan ucapan takziah di atas pemergian Allahyarham Encik Nor Amin Bin Ahmad, mantan Setiausaha Agung KKAUSM yang telah meninggal dunia pada 18 Julai 2024. Memohon semua ahli mesyuarat untuk menghadihkan Surah al-Fatihah kepada Allahyarham.
- Ucapan setinggi tahniah dan mengalu-alukan penyertaan Ahli Jawatankuasa KKAUSM yang baharu dilantik bagi sesi 2024 - 2026 ke Mesyuarat MBJ. Senarai Ahli Jawatankuasa KKAUSM yang terlibat ialah:

- I.      Puan Juliana Binti Ahmad Razali
- II.     Encik Ahmad Bin Mohammad Foaed
- III.    Encik Syaarani Amri Bin Muhamad

- Merakamkan ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada ahli majlis yang tidak lagi terlibat dalam Majlis Bersama Jabatan atas sumbangan dan khidmat bakti yang diberikan. Ahli KKAUSM yang terlibat ialah:
  - I. Encik Norhiman Bin Ahmad
  - II. Puan Hasnah Binti Hassan
- Majlis turut mengucapkan setinggi tahniah serta mengalu-alukan penyertaan Ahli Jawatankuasa PKAPUSM yang baharu dilantik, Dr. Noor Fareen Binti Abdul Rahim ke Mesyuarat MBJ.
- YBhg. Dato' Seri Pengerusi turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Encik Abdul Mu'izz Bin Abd Aziz atas sumbangan dan khidmat bakti yang diberikan beliau sepanjang menjadi Ahli MBJ.

## **MINIT 2 Pengesahan Minit Mesyuarat**

**Minit Mesyuarat kali ke – 74 Majlis Bersama Jabatan pada hari Isnin, 29 April 2024 jam 2.30 petang.**

Minit mesyuarat ini disahkan tanpa pindaan.

## **MINIT 3 Perkara Berbangkit Dari Minit Mesyuarat Ke - 74**

**Minit 6.1 Sesi Penerangan Subsidi Geran Komputer USM Bersama Persatuan Kakitangan Akademik Dan Pentadbiran USM (PKAPUSM) Dan Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM)**

Majlis diingatkan kembali berkaitan permohonan daripada pihak PKAPUSM berkaitan sesi penerangan yang lebih jelas berkaitan pelaksanaan pemberian subsidi geran komputer.

Susulan daripada permohonan berkenaan, Pengarah Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi (PPKT) telah mengadakan sesi penerangan mengenai subsidi geran komputer USM bersama pihak Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM (PKAPUSM) dan Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM) pada 27 Mei 2024.

**[Tindakan : Untuk makluman]**

**Minit 6.2 Hala Tuju Guru Bahasa Dengan Kelayakan Ijazah Kedoktoran Di Bawah Skim ASHES**

Majlis diingatkan kembali berkaitan permohonan daripada pihak PKAPUSM agar Bahagian Sumber Manusia (BSM) mengemukakan maklum balas secara bertulis berkaitan hala tuju dan perancangan berkaitan Guru Bahasa yang mengikuti skim *Academic Staff Higher Education Scheme* (ASHES).

Susulan perkara di atas, pihak Bahagian Sumber Manusia (BSM) telah mengemukakan maklumbalas secara bertulis melalui surat bertarikh 23 Mei 2024 kepada Presiden PKAPUSM.

**[Tindakan : Untuk makluman]**

### **Minit 6.3 Status Penyerahan Bil Elektrik untuk Bangunan A04, Rumah Merah USM**

Majlis diingatkan kembali berkaitan aduan yang diterima oleh pihak PKAPUSM berkaitan penyewa di Bangunan A04, Rumah Merah USM yang tidak menerima bil elektrik sejak tahun 2023.

Berhubung dengan aduan di atas, pihak Jabatan Bendahari telah mengadakan perbincangan bersama pihak PKAPUSM pada 24 Mei 2024 dan tindakan susulan berkaitan adalah seperti berikut :-

- I. Pihak JPPF telah membuat penstrukturan pendawaian semula secara berasingan kepada dua (2) penyewa iaitu CK Restaurant dan Jerong Enterprise.
- II. Pihak Jabatan Bendahari telah menerima bacaan bil elektrik bagi bulan Julai 2024 dari pihak JPPF bagi tiga (3) Penyewa di Bangunan A04, Rumah Merah USM.
- III. Bil elektrik secara berasingan telah diberikan kepada penyewa terlibat mulai bulan Julai 2024.

**[Tindakan : Untuk makluman]**

## **MINIT 4 : PERKARA DARIPADA PIHAK MAJIKAN**

### **4.1 Pemakaian Pakaian Seragam Umum**

Majlis mengambil maklum maklumbalas dari Pendaftar bahawa pihak Universiti telah mengeluarkan hebahan peringatan pada 12 Ogos 2024 kepada staf pelaksana yang telah menerima Pakaian Seragam Umum serta bayaran kemudahan bekalan Kasut Kulit Hitam dan Kasut Keselamatan (*safety shoes*) untuk menggunakan peruntukan yang diberikan bagi membeli pakaian dan kasut yang berkaitan bagi pemakaian semasa menjalankan tugas-tugas rasmi.

Pendaftar turut memaklumkan telah memohon bantuan pihak KKAUSM dalam mesyuarat MBJ yang lepas untuk memanjangkan hebahan berkaitan kepada staf pelaksana serta memastikan staf yang menerima kemudahan ini menggunakan peruntukan yang diberikan.

**[Tindakan : Untuk makluman]**

### **4.2 Taklimat Kriteria Baharu Kemajuan Kerjaya Staf Akademik**

Majlis turut mengambil maklum pihak BSM akan mengadakan sesi taklimat kriteria baharu kemajuan kerjaya staf akademik bagi pensyarah Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan dan IPPT pada 14 Ogos 2024 bertempat di Dewan Budaya. Taklimat ini juga akan diadakan di Kampus Kesihatan pada 11 September 2024.

**[Tindakan : Untuk makluman]**

## **MINIT 5 : PERKARA DARIPADA PIHAK PEKERJA**

### **5.1 Perkara daripada Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM (PKAPUSM)**

#### **5.1.1 Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)**

Majlis diingatkan kembali saranan pihak PKAPUSM berkaitan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) seperti berikut:-

- I. Cadangan pelaksanaan sesi perbincangan, libat sama atau *TownHall* dengan pihak pekerja yang melibatkan PKAPUSM berkaitan penambahbaikan skim perkhidmatan bagi tujuan pembangunan SSPA. Sehingga kini, pihak Universiti dan BSM belum mengadakan sesi libatsama dengan pihak PKAPUSM.
- II. Usul serta cadangan penambahbaikan skim perkhidmatan yang telah dibuat oleh pihak USM dan BSM kepada pihak Kementerian dan Jabatan Pendidikan Tinggi berkaitan dasar dan polisi sama ada secara langsung atau tidak langsung yang akan memberikan kesan terhadap kebajikan dan kesejahteraan pekerja-pekerja universiti.

Susulan cadangan di atas, Majlis mengambil maklum bahawa pihak Universiti masih belum menerima maklumat terperinci dari pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berkaitan SSPA. Sesi taklimat di peringkat universiti berkaitan sistem ini akan diadakan selepas menerima maklumat lengkap dari pihak JPA.

**[Tindakan : Untuk makluman]**

### **5.2 Perkara daripada Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM)**

#### **5.2.1 Pemberian Elaun Cermin Mata**

Majlis diingatkan kembali permohonan pihak KKAUSM berkaitan pemberian elaun cermin mata berdasarkan justifikasi seperti berikut:-

- I. Pemberian elaun cermin mata boleh membantu dalam memastikan staf mendapat pemeriksaan mata secara berkala dan mempunyai cermin mata yang sesuai untuk mengurangkan risiko kecederaan semasa bertugas atau masalah kesihatan mata yang serius.
- II. Kualiti penglihatan yang baik mampu meningkatkan produktiviti serta lebih fokus kerana boleh bekerja dengan lebih selesa dan efisien.
- III. Menyediakan elaun cermin mata menunjukkan bahawa USM mengambil berat tentang kesejahteraan staf yang dapat meningkatkan moral dan kepuasan kerja serta memberi impak positif kepada kepimpinan Universiti.
- IV. Kadar bajet yang dicadangkan adalah dengan menggunakan bajet perkhidmatan pergigian di Pusat Sejahtera iaitu RM 200.00 setahun. Staf diberi pilihan pada satu tahun hanya dibenarkan menggunakan bajet ini untuk perkhidmatan pergigian atau perkhidmatan cermin mata dan Universiti tidak perlu menyediakan peruntukan tambahan bagi perkhidmatan ini. Jika penyediaan

cermin mata ini melebihi RM 200.00 staf perlu tambah dengan kos sendiri.

Setelah berbincang Majlis bersetuju untuk melaksanakan perkara- perkara seperti berikut;

- I. Kemudahan elaun cermin mata ini hanya diberikan kepada Staf Kumpulan Pelaksana sahaja.
- II. Pemberian elaun ini diberikan 3 tahun sekali dengan maksimum RM300.00 bagi perolehan cermin mata. Staf berkenaan perlu membawa perakuan daripada klinik rawatan mata atau kedai cermin mata yang mengesahkan staf berkenaan mengalami masalah rabun.
- III. Sekiranya harga cermin mata melebihi kadar peruntukan yang diberikan, staf berkenaan perlu menanggung lebih kos pembelian.
- IV. Kemudahan elaun ini **tidak termasuk** kos pembelian *contact lens*.
- V. Tuntutan bayaran selepas pembelian kaca mata perlu disertakan dengan resit rasmi dan laporan pemeriksaan mata oleh pakar mata (Optometri).
- VI. Pelaksanaan pemberian elaun ini akan dilaksanakan mulai tahun 2025.
- VII. Pihak BSM akan menyediakan garis panduan dan pembangunan sistem.

Majlis turut mengambil maklum bahawa terdapat kemudahan kedai Optometri di HUSM yang menawarkan diskaun pembelian kaca mata kepada staf. Staf juga disarankan untuk membuat pembelian secara berkumpulan di HUSM atau mana-mana kedai cermin mata bagi mendapat tawaran harga yang kompetitif.

**[Tindakan : Untuk makluman]**

### **5.2.2 Penyediaan Perkhidmatan Klinik Panel Pergigian**

Majlis diingatkan kembali berkaitan permohonan pihak KKAUSM berkaitan penyediaan perkhidmatan Klinik Panel Pergigian bagi staf. KKAUSM berpendapat pemberian kemudahan Klinik Panel Pergigian USM kepada pekerja adalah satu langkah proaktif yang perlu dipertimbangkan oleh USM untuk memastikan staf dapat bekerja dengan selesa dan efisien.

Susulan perkara di atas, pihak KKAUSM memohon pertimbangan seperti berikut:-

- I. Cadangan pelantikan klinik-klinik swasta pergigian sebagai Klinik Panel Pergigian (semua kampus) bagi meringankan beban perkhidmatan pergigian di Pusat Sejahtera (Pusat Perubatan Dan Pergigian) dan staf tidak perlu menunggu lama bagi mendapatkan perkhidmatan pergigian jika berlakunya kes kecemasan.
- II. Lokality klinik-klinik panel pergigian ini dicadangkan berhampiran dengan Klinik Panel USM yang telah disenaraikan tahun 2024 dan 2025 (semua kampus).

- III. Bajet bagi perkhidmatan ini masih sama iaitu RM200.00 bagi setiap staf setahun dan jika kos melebihi dari bajet staf perlu tambah dengan kos sendiri.

Setelah berbincang Majlis bersetuju untuk melaksanakan perkara- perkara seperti berikut;

- I. Peningkatan kadar peruntukan rawatan pergigian staf dan tanggungan daripada RM 200.00 kepada RM400.00 setahun.
- II. Kelulusan ini diberikan bukan dalam bentuk kewangan tetapi dalam bentuk perkhidmatan pergigian di fasiliti universiti sahaja seperti Pusat Sejahtera, IPPT, Pusat Kesihatan Universiti.
- III. Pelaksanaan pemberian elaun ini akan dilaksanakan mulai tahun 2025.

[Tindakan : Untuk makluman]

### **5.2.3 Pelaksanaan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dan Bengkel di Luar Kawasan Pejabat**

Majlis mengambil maklum syor pihak KKAUSM agar pihak universiti mempertimbangkan pelaksanaan mesyuarat MBJ dapat diadakan di luar kawasan pejabat sekali dalam tempoh setahun dan mencadangkan dua (2) aktiviti seperti berikut:-

- I. Bengkel *Retreat* & Perancangan Strategik bagi hubungan 2 hala Majikan-Pekerja
- II. Kursus Memperkasakan Tenaga Kerja (Employee Employment in The Workplace)

Setelah berbincang, Majlis bersetuju untuk melaksanakan mesyuarat MBJ secara bersemuka di luar kawasan pejabat sekali dalam tempoh satu (1) tahun tertakluk kepada kemampuan kewangan universiti dan mengenalpasti kursus-kursus yang sesuai yang boleh dilaksanakan dengan Pusat Transformasi Insan (PTI).

[Tindakan : Untuk makluman]

## **MINIT 7 : Penutup**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 3.15 petang dengan ucapan terima kasih dari YBhg. Dato' Seri Pengerusi kepada semua ahli MBJ yang hadir.

Disediakan oleh :



**MOHD JALALUDIN BIN AZIZAN**  
Setiausaha Bersama MBJ